

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

21. Sebagaimana yang telah saya katakan, bahawa Kerajaan telah berusaha dengan sedaya upayanya, membantu masyarakat pekebun kecil. Selama 25 tahun Rancangan Tanam Semula Kerajaan, telah dijalankan bagi membantu pekebun-pekebun kecil getah. Dari bantuan menanam semula sebanyak \$450.00 saekar, Kerajaan telahpun menambahkannya sehingga ke peringkat yang ada sekarang, iaitu \$900.00 saeker. Cadangan bagi menambah lagi bantuan ini, bagi menampung kenaikan perbelanjaan tanaman semula itu, sedang dikaji oleh Kerajaan.